



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water

MALAYSIA OIL SPILL CONTINGENCY PLAN  
**PELAN KONTINGENSI  
TUMPAHAN MINYAK MALAYSIA  
(MOSCoP)**



EDISI 2021  
JABATAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Malaysia  
@JABATAN ALAM SEKITAR  
Aras 1-4, Podium 2 & 3,  
Wisma Sumber Asli,  
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62574 PUTRAJAYA.

©Hakcipta 2021 JAS

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula secara keseluruhan bagi tujuan pendidikan, sebaran, bahan rujukan mengajar atau tujuan-tujuan lain yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada hakcipta, dengan syarat penghargaan hendaklah diberikan kepada Jabatan Alam Sekitar.

Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar.

Rekod Pengemaskinian Dokumen (Kawalan Urus Setia: Jabatan Alam Sekitar, Malaysia)

Versi	Nama Pegawai/ Jawatan	Tarikh	Pengemaskinian
v 0.1	Amri Mohd Yusof/ PKK		Draf pertama.
v 0.2	Amri Mohd Yusof/ PKK		Input daripada Bengkel Siri 1.
v 0.3	Azila Haji Amran/ PKK		Input daripada NADMA.
v 0.4	Azila Haji Amran/ PKK		Input daripada MET Malaysia.
v 0.5	Azila Haji Amran/ PKK		Pertukaran Muka Depan.
v 1.0	Azila Haji Amran/ PKK		Draf pertama diluluskan P(AM).
v 1.1	Azila Haji Amran/ PKK	25.02.2022	Ulasan KPAS dikemas kini.
v 1.2	Azila Haji Amran/ PKK	25.03.2022	Pengemaskinian maklumat MOWReP.
v 1.3	Azila Haji Amran/ PKK	28.06.2022	Pengemaskinian maklumat nama dan singkatan bagi NOSC dan SOSC.

## Kandungan

Prakata	i
Ahli Jawatankuasa Kerja Pengemaskinian dan Penjenamaan RKKKTM kepada MOSCoP	ii
Singkatan	v
<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.1 Undang-Undang Kebangsaan Dan Konvensyen Antarabangsa	1
1.1.1 Undang-Undang Kebangsaan	1
1.1.2 Konvensyen-Konvensyen Antarabangsa	1
1.1.3 Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN)	3
1.2 Skop	4
1.3 Objektif	4
1.4 Keperluan <i>Oil Spill Response Plan Tier 1</i>	4
<b>2.0 Peringkat Strategi Perancangan</b>	<b>6</b>
2.1 Peringkat Tindakan	6
2.1.1 Peringkat Pertama – Tindakan Setempat	6
2.1.2 Peringkat Kedua – Tindakan Negeri	7
2.1.3 Peringkat Ketiga – Tindakan Serantau	8
2.2 Peranan Agensi Di Bawah <i>National Oil Spill Operation Committee</i> (NOSC) dan <i>State Oil Spill Operation Committee</i> (SOSC)	9
2.3 Kakitangan Utama	14
2.3.1 Penyelaras Kawasan ( <i>Area Commander</i> )	14
2.3.2 Penyelaras Kejadian ( <i>Incident Commander</i> )	15
2.3.3 Pemerintah Tempat Kejadian ( <i>On-Scene Commander</i> )	16
2.3.4 Pegawai Keselamatan ( <i>Safety Officer</i> )	17
2.3.5 Pegawai Plot ( <i>Plotting Officer</i> )	17
2.3.6 Pegawai Media ( <i>Media Officer</i> )	17
2.3.7 Pegawai Perhubungan ( <i>Liaison Officer</i> )	17
2.3.8 Pegawai Komunikasi ( <i>Communication Officer</i> ).	18
2.3.9 Pegawai Pencatat ( <i>Recording Officer</i> )	18
2.4 Pakar Tempatan	18
2.5 Pelantikan Kontraktor	19
2.6 Pengurusan Kawalan	19
2.6.1 Pusat Kawalan	19
2.6.2 Pos Kawalan Tempat Kejadian	19
2.7 Pergerakan dan Pengumpulan NOSC dan SOSC	20
2.7.1 Kod Warna	20

<b>3.0</b>	<b>Peringkat Pelaksanaan Tindak Balas</b>	21
3.1	Makluman Aduan Kejadian	21
3.2	Penilaian	21
3.3	Tindak Balas dan Strategi Pembersihan	21
3.3.1	<i>Oil Maps Trajectory Modelling</i>	21
3.3.2	<i>Environmental Sensitivity Index (ESI)</i>	22
3.3.3	<i>Shoreline Cleanup and Assessment Technique (SCAT)</i>	23
3.3.4	Kaedah Mengawal Tumpahan Minyak	23
3.4	Tindak Balas Penyelamatan Hidupan Liar	25
3.5	Prosedur Mendapatkan Bantuan Pengangkutan Udara	25
3.6	Prosedur Mendapatkan Bantuan Luar	26
3.7	Salvaj Dan Pemindahan Kargo	27
3.8	Penyediaan Laporan Operasi	27
3.9	Penamatan Operasi	27
<b>4.0</b>	<b>Peringkat Pasca Tumpahan Minyak</b>	28
4.1	Penyediaan Tuntutan	28
4.2	Pengurusan Sisa	29
4.3	Post-Mortem	29
4.4	Program Pemantauan Pasca Tumpahan Minyak	30
<b>5.0</b>	<b>Peringkat Sokongan</b>	31
5.1	Keselamatan Kakitangan	31
5.2	Perhubungan Awam	31
5.3	Kursus Dan Latihan Melawan Tumpahan	32
5.4	Pindaan Dan Kajian Semula MOSCoP	32

## Senarai Lampiran

Lampiran 1(a) dan 1(b)	: Liputan Geografi <i>MOSCoP</i> berdasarkan Peta Baharu Malaysia 1979	33
Lampiran 2	: Carta Alir Sistem Tindak Balas Tumpahan Minyak	35
Lampiran 3	: Carta Alir Tindak Balas Peringkat Pertama ( <i>Tier 1</i> )	36
Lampiran 4	: Carta Alir Tindak Balas Peringkat Kedua ( <i>Tier 2</i> )	37
Lampiran 5	: Carta Alir Tindak Balas Peringkat Ketiga ( <i>Tier 3</i> )	38
Lampiran 6	: Senarai Perhubungan Bagi Ahli <i>National Oil Spill Operation Committee</i> (NOSC)	39
Lampiran 7	: Senarai Agensi Primer dan Sekunder di bawah NOSC dan SOSC	45
Lampiran 8	: Contoh Mesej Pergerakan NOSC atau SOSC	46
Lampiran 9	: Borang Makluman Awal Kejadian Tumpahan Minyak	47
Lampiran 10	: Senarai Perhubungan Pejabat-Pejabat JAS, JLM dan APMM	49
Lampiran 11	: Senarai <i>Stockpile</i> Peralatan Melawan Tumpahan Minyak (OSRE)	61
Lampiran 12	: Lokasi Penempatan <i>Stockpile</i> Peralatan Tumpahan Minyak (OSRE) di Malaysia	70
Lampiran 13(a), (b), (c)	: Borang Permohonan Mendapatkan Bantuan Luar	71
Lampiran 14	: Format Kenyataan Media	77
Lampiran 15	: Borang Pertukaran Maklumat	78



**En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**  
**Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) telah berjaya dibuat semakan dan telah diterbitkan dengan penjenamaan baharu iaitu Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia atau *Malaysia Oil Spill Contingency Plan* (MOSCoP).

MOSCoP, adalah singkatan tunggal bagi dokumen ini dan akan digunakan dalam dwi-bahasa. Ianya adalah bertujuan untuk memantapkan fungsi serta sebagai panduan dan rujukan kepada semua agensi awam dan swasta yang terlibat di dalam tindak balas kawalan dan pembersihan tumpahan minyak di Perairan Wilayah Malaysia. Pelbagai aspek telah diambil kira semasa pengemaskinian dilaksanakan termasuklah mengambil kira isu dan cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan tindak balas kawalan tumpahan minyak di laut.

Sesungguhnya negara kita sangat bertuah dikurniakan dengan kepelbagaian biodiversiti marin dan pesisir pantai serta keindahan alam semula jadi yang perlu kita jaga bersama. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Tanpa kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, sudah tentu tindak balas kawalan tumpahan minyak di laut tidak dapat dilaksanakan dengan efisien, pantas dan teratur.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khas kepada Mantan Ketua Pengarah Alam Sekitar, Puan Norlin binti Jaafar yang telah mengetuai usaha pengemaskinian dokumen ini sejak tahun 2019. Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat di dalam usaha pengemaskinian Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak dan telah bersepakat penjenamaan kepada Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia atau *Malaysia Oil Spill Contingency Plan* (MOSCoP), Edisi 2021. Semoga dokumen *MOSCoP* ini dapat memberi manfaat dengan sebaik-baiknya kepada semua pihak.

## Penghargaan

### **Jawatankuasa Kerja Pengemaskinian dan Penjenamaan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) kepada Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP)**

Jabatan Alam Sekitar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja Pengemaskinian dan Penjenamaan RKKKTM kepada MOSCoP yang terdiri daripada:

1. Jabatan Alam Sekitar
  - Y.Brs. En. Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar  
Ketua Pengarah Alam Sekitar
  - Y.Brs. Puan Norlin binti Jaafar  
Mantan Ketua Pengarah Alam Sekitar
  - YBrs. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
  - En. Mohd Hidzir bin Bakar
  - En. Rosli bin Mustafa
  - En. Rosli bin Osman
  - Puan Norina Frederick Sambang
  - Puan Dzuriyati Noor bte Yaakub
  - En. Amri bin Mohd Yusof
  - Puan Che Rohaida binti Ngah
  - Puan Azila binti Haji Amran
  - Puan Asmahani bte Ab Manan
  - Puan Hadijah binti Ali
  - En. Suresh Sundramurthy
2. Jabatan Laut Malaysia
  - En. Mohd Fairoz bin Rozali
  - En. Mohd Arma Noramin bin A. Rashid
  - En. Mohd Syukri bin Munajaf
  - En. Nur Muhammad bin Subri
  - En. Mohd Nasoha bin Sulaiman
3. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
  - Kdr (M) Muhammad Zulkarnain bin Abdullah
  - Kdr (M) Suzanna binti Razali Chan
  - Lt Kdr (M) Wan Mohd Fuad Hanif bin Wan Hasan
4. Majlis Keselamatan Negara
  - Puan Norhasliza binti Mat Salleh
  - Mejar Mokhzaini bin Mokhtar Rudin
  - Kapt. Mohamad Zaid Bin Sapri

- |     |  |   |
|-----|--|---|
| 5.  | Agensi Pengurusan<br>Bencana Negara      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PgKB 1 Farhan Sufyan bin Borhan</li> <li>• PgKB 1 Azmi bin Sadon</li> </ul>  |
| 6.  | Tentera Udara Diraja<br>Malaysia         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lt. Kol. Phang Kok Leong</li> <li>• Mejar Mohd Zaim bin Bongsu</li> <li>• Mejar Mohd Nazri bin Harun</li> </ul>  |
| 7.  | Tentera Laut Diraja<br>Malaysia          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kdr. Ir. Saiful Nizam bin Sidek</li> <li>• Lt. Kdr. Shazarul Ridzuan bin Shaari</li> </ul>   |
| 8.  | Jabatan Bomba dan<br>Penyelamat Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PPjB Morni bin Mamat</li> <li>• PgKB 1 Ahmad Aminudin bin Haji Abd<br/>Rahim</li> <li>• PgB Zulhairani bin Ramli</li> </ul>  |
| 9.  | Pasukan Polis Marin,<br>PDRM             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Supt. Rusley bin Chi Ari</li> <li>• Insp. Mohd Fadli bin Ramli</li> </ul>  |
| 10. | Pasukan Gerakan<br>Udara, PDRM           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• DSP. Mohd Dzulfazli bin Mohd Jamil</li> <li>• DSP. Amirul Adli bin Ahmad</li> </ul>  |
| 11. | PETRONAS                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Maarof bin Sanif</li> <li>• Kapten Zalina binti Sungip</li> <li>• Puan Azlina bte Khairi</li> <li>• En. W.Muhammad Nasiruddin bin W.Noordin</li> <li>• En. Fazil bin Baharuddin</li> <li>• En. Hafizuddin bin Ahmad</li> </ul> |
| 12. | PIMMAG                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kapt. Mohamed Halim bin Saidi</li> <li>• En. Md. Azis bin Md. Desa</li> </ul>  |
| 13. | Jabatan Meteorologi<br>Malaysia          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Nursalleh K Chang @ Nursalleh bin<br/>Kasim</li> <li>• En. Muhammad Mikhael Cadorna</li> </ul>   |
| 14. | ESSCOM                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Nak Rong s/o Si Prom</li> <li>• En. Ahmad Puad bin Osman</li> </ul>  |
| 15. | Jabatan Perikanan<br>Malaysia            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Uraini binti Ujang</li> <li>• En. Mohd Faliq bin Chek Musa</li> </ul>   |

16. Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia
  - En. Hasdi bin Hassan@Asang
  - En. Wan Mohd Adib bin Wan Mohd Yusoh
  - En. Petra bin Sulai
  
17. Sarawak Forestry Corporation
  - En. Ian Levi Jackery

## Singkatan

AKAS	-	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
ASEAN ROSCP	-	ASEAN – <i>Regional Oil Spill Contingency Plan</i>
CLC 1992	-	<i>Civil Liability Convention 1969 Civil Liability for Oil Pollution Damage 1992</i>
ESI	-	<i>Environmental Sensitivity Index</i>
ESSCOM	-	<i>Eastern Sabah Security Command</i>
FUND 1992	-	<i>International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage 1992</i>
IMO	-	<i>International Maritime Organization</i>
IOPC	-	<i>International Oil Pollution Compensation</i>
MARPOL	-	<i>International Convention for the Prevention of Pollution from Ship</i>
MOSCoP	-	<i>Malaysia Oil Spill Contingency Plan</i>
MOWReP	-	<i>Malaysia Oiled Wildlife Response Plan</i>
NOSC	-	<i>National Oil Spill Operation Committee</i>
OPRC	-	<i>International Convention on Oil Pollution Preparedness and Response Cooperation</i>
OSRE	-	<i>Oil Spill Response Equipment</i>
OSRP	-	<i>Oil Spill Response Plan</i>
PETRONAS	-	Petroleum Nasional Berhad
PIMMAG	-	Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group
P&I Club	-	<i>Protection &amp; Indemnity Club</i>
PK	-	Penyelaras Kawasan
PKTK	-	Pos Kawalan Tempat Kejadian
PTK	-	Pemerintah Tempat Kejadian ( <i>On-Scene Commander</i> )
SCAT	-	<i>Shoreline Cleanup and Assessment Technique</i>
SOSC	-	<i>State Oil Spill Operation Committee</i>
ZEE	-	Zon Ekonomi Eksklusif

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 Undang-Undang Kebangsaan Dan Konvensyen Antarabangsa

#### 1.1.1 Undang-Undang Kebangsaan

Ketua Pengarah Kualiti Alam telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal segala bentuk pencemaran yang berlaku di laut. Dari segi kawalan tumpahan minyak sama ada berpunca daripada kapal atau punca-punca lain, Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling akan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Untuk perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling akan menguatkuasakan Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), 1984. Seksyen-Seksyen yang terlibat adalah Bahagian IV Seksyen 10, 11, 12, 14, 15 dan Bahagian IX Seksyen 40.

Di samping itu, undang-undang mengawal pencemaran laut juga meliputi akta-akta termasuk sebarang pindaannya seperti mana berikut:

- i. Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
- ii. Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak)
- iii. Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sabah)
- iv. Akta Polis 1967
- v. Akta Pembangunan Petroleum 1974
- vi. Akta Perikanan 1985
- vii. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994
- viii. Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004
- ix. Akta Laut Wilayah 2012

#### 1.1.2 Konvensyen-Konvensyen Antarabangsa

Malaysia telah menerima pakai lima (5) konvensyen antarabangsa berhubung pencemaran laut:

- i) *International Convention for the Prevention of Pollution from Ships 1973, as modified by the Protocol of 1978 (MARPOL 73/78)*

Malaysia telah menerima pakai Annex I, II dan V konvensyen ini pada 1 Mei 1997 dan Annex III, IV dan VI pada 27 Disember 2010. Untuk tujuan penguatkuasaan konvensyen ini, Jabatan Laut Malaysia (JLM) adalah merupakan agensi utama yang telah diberi kuasa untuk melaksanakannya.

Konvensyen ini menyediakan garis panduan kawalan dan pencegahan pencemaran dari kapal semasa operasi atau kemalangan:

- ANNEX I *Regulations for the Prevention of Pollution by Oil*
- ANNEX II *Regulations for the Control of Pollution by Noxious Liquid Substances in Bulk*
- ANNEX III *Prevention of Pollution by Harmful Substances Carried by Sea in Package Form*
- ANNEX IV *Prevention of Pollution by Sewage from Ships*
- ANNEX V *Prevention of Pollution by Garbage from Ships*
  
- ANNEX VI *Prevention of Air Pollution from Ships*

ii) *International Convention on Oil Pollution Preparedness, Response and Co-Operation 1990 (OPRC)*

Konvensyen ini menyediakan kaedah penyediaan rancangan-rancangan kontingensi, prosedur melapor kejadian tumpahan minyak, pengwujudan kerjasama teknikal serantau dan antarabangsa serta mempromosi usaha penyelidikan dan pembangunan kawalan tumpahan minyak kepada negara-negara parti. Malaysia telah menerima pakai konvensyen ini pada 30 Oktober 1997 dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi utama dengan dibantu oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM).

iii) *International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage 1992 (CLC 1992)*

Konvensyen CLC 1992 telah diterima pakai oleh Malaysia pada 9 Jun 2005 di mana konvensyen ini menetapkan prinsip liabiliti kepada pemilik kapal tangki yang melepaskan minyak sehingga berlaku pencemaran. Semua tuntutan bagi pampasan akibat pencemaran minyak (termasuk kos pembersihan) boleh tuntutan terhadap pemilik kapal tangki yang menyebabkan kerosakan.

- iv) *International Convention on the Establishment of an International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage (FUND 1992)*

Malaysia telah menerima pakai Konvensyen FUND 1992 pada 9 Jun 2005 dengan meletakkan liabiliti pencemaran yang dilakukan oleh pemilik kapal kepada pihak insurans kapal sekiranya nilai tuntutan pampasan melebihi liabiliti pemilik kapal di bawah CLC 1992.

- v) *The International Convention on Civil Liability for Bunker Oil Pollution Damage 2001 (Bunkers Convention 2001)*

Malaysia telah menerima pakai Konvensyen Bunker 2001 pada 12 Februari 2009. Konvensyen ini menetapkan prinsip liabiliti kepada pemilik kapal yang membawa minyak sebagai bahan api/ minyak *bunker* yang melepaskan minyak sehingga berlaku pencemaran. Semua tuntutan bagi pampasan akibat pencemaran minyak (termasuk kos pembersihan) boleh dituntut terhadap pemilik kapal yang menyebabkan kerosakan.

### 1.1.3 Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara (versi 2012)

Pada 30 Mac 2012, Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara telah diluluskan dan mengisytihar bahawa kejadian bencana maritim yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan maritim yang melibatkan nyawa dan harta benda, dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan, *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue (IAMSAR) Malaysia* Jilid IV. Bagi kejadian tumpahan minyak atau kemalangan yang melibatkan pencemaran atau kemusnahan alam sekitar maritim akan dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP)/ Bahan Pencemaran.

## 1.2 Skop

Tindakan kawalan tumpahan minyak jenis *hydrocarbon persistent oil* yang meliputi keseluruhan kawasan perairan Malaysia sebagaimana Peta Baru Malaysia 1979 di **Lampiran 1a dan 1b**.

## 1.3 Objektif


Sebagai garis panduan dalam pengurusan pencemaran akibat kejadian tumpahan minyak seperti digariskan berikut:

- i) Melaksanakan satu sistem tindak balas serta-merta bagi meminimalkan impak alam sekitar dan ekonomi;
- ii) Mempertingkatkan kemampuan sumber seperti peralatan dan sumber manusia;
- iii) Memastikan keberkesanan tindak balas dan komunikasi melalui kerjasama semua agensi yang terlibat;
- iv) Menyelaras tuntutan pampasan bagi semua kos terlibat seperti kos pembersihan, perolehan peralatan, penggajian sumber manusia serta lain-lain kos kemusnahan atau kerugian;
- v) Menyelaras pengurusan pasca tumpahan minyak;

## 1.4 Keperluan *Oil Spill Response Plan (OSRP) Tier 1*

Semua kemudahan yang menjalankan aktiviti berisiko menyebabkan tumpahan minyak ke Perairan Malaysia seperti pelabuhan, terminal, depoh minyak, pelantar dan lain-lain instalasi marin **WAJIB** menyediakan *Oil Spill Response Plan Tier 1 (OSRP Tier 1)* berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh pihak yang berkuasa serta kajian Risiko Pencemaran Tumpahan Minyak yang perlu dijalankan oleh pihak kemudahan. Kajian risiko ini perlu disemak semula dari masa ke semasa berdasarkan perubahan operasi, infrastruktur, persekitaran marin, trafik perkapalan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

Hubung kait peringkat tindak balas dalam OSRP industri dengan peringkat tindak balas dalam MOSCoP adalah seperti dalam rajah di bawah.



**Rajah 1: Hubung kait peringkat tindak balas dalam OSRP industri dengan peringkat tindak balas dalam MOSCoP**

OSRP *Tier 1* yang disediakan oleh pihak kemudahan mesti mempunyai dua (2) peringkat tindak balas seperti mana berikut:

i) Peringkat pertama

Pihak kemudahan melaksanakan tindak balas menggunakan peralatan dan pasukan dalaman (*in-house*). Peralatan hendaklah disediakan secukupnya berdasarkan kepada kajian risiko tumpahan minyak yang telah dijalankan.

ii) Peringkat kedua

Jika peralatan dan pasukan dalaman yang disediakan tidak mencukupi, pihak kemudahan hendaklah melantik pihak ketiga yang berdaftar dengan pihak berkuasa untuk membantu pihak kemudahan mengawal tumpahanminyak.

Pelan akan diperiksa oleh pihak yang berkuasa bagi memastikan tahap kesediaan yang optimum kepada pihak kemudahan dalam melaksanakan tindak balas.

## 2.0 PERINGKAT STRATEGI PERANCANGAN

### 2.1 Peringkat Tindakan

Tindak balas dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Peringkat Pertama (*Tier 1*), Kedua (*Tier 2*), dan Ketiga (*Tier 3*). Carta Aliran Sistem Tindak Balas Tumpahan Minyak adalah dirujuk seperti di **Lampiran 2**.

#### 2.1.1 Peringkat Pertama (*Tier 1*) – Tindakan Setempat

Tindak Balas Peringkat Pertama (*Tier 1*) perlu diaktifkan dan dilaksanakan oleh pihak kemudahan bagi tumpahan yang berlaku di dalam, melangkaui dan yang berpotensi masuk ke dalam kawasan kemudahan. Pihak kemudahan hendaklah melaksanakan tindak balas seperti yang dinyatakan dalam *OSRP Tier 1* sama ada tumpahan minyak berkenaan adalah daripada punca yang dikenal pasti atau tidak dikenal pasti.

Pihak kemudahan juga **WAJIB** memaklumkan kejadian tumpahan minyak kepada Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri, **Sistem e-Aduan JAS** atau hotline **JAS 1-800-88-2727** dengan serta merta.

Sekiranya terdapat keperluan membawa peralatan OSRE atau pakar bidang dari luar negara yang terlibat dalam pengurusan insiden tumpahan minyak maka perlulah permohonan tersebut dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat supaya dapat dirujuk kepada agensi berkaitan berdasarkan peranan agensi yang telah dinyatakan dalam dokumen ini. JAS akan menilai permohonan tersebut berdasarkan justifikasi yang diberikan adalah kukuh. Penggunaan peralatan OSRE yang ada di dalam Negara adalah diberikan keutamaan.

Selain daripada itu, sekiranya terdapat hidupan yang berisiko dicemari oleh minyak, maka perlulah maklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tujuan pengaktifan *Malaysia Oiled Wildlife Response Plan* (MOWReP). Tindak balas untuk penyelamatan hidupan yang berisiko adalah seperti yang digariskan dalam MOWReP.

Pelaporan berhubung kerja-kerja pembersihan dan kawalan tumpahan minyak **WAJIB** dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri kemudiannya perlu mengemukakan laporan harian kepada Ketua

Pengarah Alam Sekitar dan dibuat Salinan kepada Pengarah Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat sehingga penamatan operasi.

Carta Alir Tindak Balas *Tier 1* adalah seperti di **Lampiran 3**.

#### 2.1.2 Peringkat Kedua (*Tier 2*) - Tindakan Negeri

Tindak balas *Tier 2* ini diaktifkan sekiranya didapati:

- i) keupayaan *Oil Spill Response Plan Tier 1 & 2* kemudahan atau penumpah tidak berupaya mengawal tumpahan minyak yang berlaku dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan tumpahan minyak merebak ke pesisir pantai atau ke kawasan yang sensitif;
- ii) tumpahan minyak yang tidak diketahui punca yang masih berada di permukaan laut dan belum sampai ke pantai. Sekiranya minyak telah mencemari kawasan pantai, maka Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) perlu diaktifkan.

Tindak balas *Tier 2* ini akan diselaraskan oleh Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri selaku Pengerusi *State Oil Spill Operation Committee (SOSC)* akan mengaktifkan pelan tindakan *Tier 2*. Pengaktifan SOSC boleh dijalankan tanpa melibatkan keperluan untuk bersidang.

Sekiranya insiden tumpahan minyak ini dikategorikan sebagai bencana maka Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) perlu dirujuk untuk tindakan seterusnya.

Dalam keadaan punca dikenal pasti, pihak kemudahan/ penumpah masih perlu meneruskan tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak sehingga selesai walaupun *Tier 2* MOSCoP telah diaktifkan. Sekiranya terdapat hidupan yang berisiko dicemari oleh minyak, *Malaysia Oiled Wildlife Response Plan (MOWReP)* perlu diaktifkan.

*National Oil Spill Operation Committee (NOSC)* di peringkat Ibu Pejabat JAS boleh digerakkan sekiranya:

- i) Peralatan OSRE dan sumber tenaga manusia tidak mencukupi dan bantuan dari sumber yang terdapat di negeri-negeri lain perlu diperolehi.

ii) Tumpahan minyak yang merentasi sempadan perairan negeri. Pelaporan harian berhubung kerja-kerja pembersihan dan kawalan tumpahan minyak hendaklah dikemukakan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar dan dibuat salinan kepada Pengarah Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.

Carta Alir Tindak Balas *Tier 2* adalah seperti di **Lampiran 4**.

### 2.1.3 Peringkat Ketiga (*Tier 3*) - Tindakan Serantau

Tindak balas *Tier 3* diaktifkan apabila tumpahan minyak berpotensi atau telah merentasi sempadan perairan Malaysia.

Tindak balas *Tier 3* akan diselaraskan oleh Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat. Ketua Pengarah Alam Sekitar selaku Pengerusi NOSC akan mengaktifkan pelan tindakan *Tier 3* dan dalam keadaan tertentu pengaktifan *Tier 3* tidak memerlukan NOSC bersidang.

Bagi kes tumpahan minyak dari Perairan Malaysia berpotensi atau telah merentasi sempadan perairan negara atau sebaliknya yang mana SOSC sudah diaktifkan, Ketua Pengarah Alam Sekitar boleh mengarahkan Pengerusi SOSC untuk meneruskan tindakan.

Bagi insiden tumpahan minyak yang akan melepasi sempadan negara, Pegawai Perhubungan (*Liason Officer*) perlu dilantik bagi menyelaraskan komunikasi dengan negara jiran yang akan/ telah terkesan dengan pencemaran minyak melepasi sempadan. Lantikan ini juga perlu merujuk pada SOP-SOP sedia ada di peringkat serantau. Sekiranya perlu, Kementerian Luar Negeri juga boleh dirujuk.

Penyelarasan dengan negara jiran yang terlibat akan dilaksanakan oleh NOSC berdasarkan pelan dan standard prosedur operasi seperti berikut:

- i) *ASEAN – Regional Oil Spill Contingency Plan (ASEAN - ROSCP)*;
- ii) *Standard Operating Procedure for Joint Oil Spill Combat in the Straits of Malacca and Singapore*; dan
- iii) *Standard Operating Procedure for Joint Oil Spill Combat in the South China Sea including Brunei Bay for Malaysia-Brunei, 1995*

Pelaporan harian berhubung kerja-kerja pembersihan dan kawalan tumpahan minyak hendaklah diselaraskan oleh Bahagian Air dan Marin kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar

Carta Alir Tindak Balas *Tier 3* adalah seperti di **Lampiran 5**.

## 2.2 Peranan Agensi Di Bawah *National Oil Spill Operation Committee (NOSC)* Dan *State Oil Spill Operation Committee (SOSC)*

Berikut ialah peranan agensi di bawah NOSC dan SOSC dalam tindak balas kawalan tumpahan minyak. Walau bagaimanapun, peranan agensi adalah tidak terhad seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2** di bawah tetapi turut tertakluk kepada punca kuasa dan SOP agensi masing-masing berkaitan dengan tindakan kawalan tumpahan minyak.

**Jadual 1: Peranan Agensi Primer di bawah NOSC dan SOSC**

BIL.	AGENSI	PERANAN
1	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi Peneraju kepada bencana maritim yang melibatkan tumpahan minyak di laut.</li> <li>• Ketua Pengarah Alam Sekeliling sebagai Pengerusi NOSC dan Pengarah JAS Negeri sebagai Pengerusi SOSC. Peranan Pengerusi NOSC dan SOSC adalah merujuk Jadual 3;</li> <li>• Mengaktifkan <i>Tier 2</i> dan <i>Tier 3</i>;</li> <li>• Urus setia NOSC dan SOSC;</li> <li>• Menyelaraskan tindak balas insiden tumpahan minyak di perairan Malaysia sebagaimana Peta Baru Malaysia 1979;</li> <li>• Melaksanakan trajektori tumpahan minyak;</li> <li>• Pemantauan peranan kesemua agensi di bawah tanggungjawab NOSC dan SOSC;</li> <li>• Mengeluarkan kenyataan media;</li> </ul>

BIL.	AGENSI	PERANAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat ketetapan penamatan operasi;</li> <li>• Menilai kerosakan / penilaian impak; dan</li> <li>• Mempengerusikan mesyuarat pasca operasi.</li> </ul>
2	NADMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi Peneraju Utama pada insiden bencana.</li> <li>• Agensi dirujuk sekiranya insiden tumpahan minyak dikategorikan sebagai bencana.</li> </ul>
3	Jabatan Laut Malaysia (JLM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerintah Tempat Kejadian (<i>On Scene Commander</i>) pada <i>Tier 2</i> dan <i>Tier 3</i>;</li> <li>• Memberi nasihat teknikal yang berkaitan dengan kapal-kapal yang terlibat dalam tumpahan minyak;</li> <li>• Mengetuai tugas mengumpul sisa tumpahan minyak di kawasan kejadian;</li> <li>• Menyediakan kapal, kakitangan dan lain-lain kemudahan untuk operasi pembersihan tumpahan minyak, penguatkuasaan dan mengambil alih kawalan tumpahan minyak;</li> <li>• Penyelaras kepada aktiviti di bawah IMO;</li> <li>• Memberi khidmat nasihat berkaitan tempat perlindungan bagi kapal yang melakukan tumpahan minyak (<i>spiller</i>);</li> <li>• Mengurus kerja-kerja salvaj dan pemindahan kargo serta penempatan kapal yang terlibat;</li> <li>• Menyelaraskan tuntutan dan pampasan untuk insiden yang melibatkan kapal;</li> <li>• Perlantikan kontraktor pembersihan;</li> <li>• Membantu pelaksanaan trajektori tumpahan minyak; dan</li> <li>• Mengeluarkan <i>Notice to Mariner (NTM)</i> dan</li> </ul>

BIL.	AGENSI	PERANAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Notice to Port.</i></li> </ul>
4	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi nasihat mengenai kawasan sasaran penting yang berkaitan dengan keselamatan negara;</li> <li>• Menyelaras komunikasi dan maklum balas dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri; dan</li> <li>• Menyelaraskan keperluan penglibatan ATM.</li> </ul>
5	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaras aspek keselamatan dan sekuriti di kawasan kejadian;</li> <li>• Menyediakan kapal, kakitangan dan lain-lain kemudahan untuk operasi penguatkuasaan marin semasa kejadian tumpahan minyak;</li> <li>• Menjalankan pemantauan di kawasan tumpahan minyak di laut; dan</li> <li>• Membantu tugas mengumpul sisa tumpahan minyak di kawasan kejadian.</li> </ul>
6	Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	
	Pasukan Polis Marin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaras aspek keselamatan dan sekuriti di kawasan kejadian;</li> <li>• Menyediakan kapal, kakitangan dan lain-lain kemudahan untuk operasi penguatkuasaan marin semasa kejadian tumpahan minyak;</li> <li>• Menjalankan pemantauan di kawasan tumpahan minyak di laut; dan</li> <li>• Membantu tugas mengumpul sisa tumpahan minyak di kawasan kejadian;</li> </ul>
	Pasukan Gerakan Udara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan pemantauan udara bagi mengesan pergerakan minyak; dan</li> <li>• Memberi bantuan pengangkutan udara.</li> </ul>

BIL.	AGENSI	PERANAN
7	Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi maklumat, ramalan dan taklimat terperinci mengenai keadaan laut dan cuaca; dan</li> <li>• Membantu pelaksanaan trajektori tumpahan minyak.</li> </ul>
8	Jabatan Perikanan Malaysia (PERIKANAN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi maklumat berhubung kawasan perikanan yang terjejas;</li> <li>• Menilai kerosakan dan impak kepada industri perikanan dan biodiversiti marin;</li> <li>• Mengumpul maklumat tuntutan bagi industri perikanan dan pelancongan di taman-taman laut Semenanjung Malaysia;</li> <li>• Memberi maklumat mengenai kawasan-kawasan sensitif perikanan dan taman laut; dan</li> <li>• Menyelamat spesies di bawah Fishery Act 1985 dan rujuk <i>Malaysia Oiled Wildlife Response Plan (MOWReP)</i>.</li> </ul>

**Jadual 2: Peranan Agensi Sekunder di bawah NOSC dan SOSC**

BIL.	AGENSI	PERANAN
1	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	
	Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan keselamatan dan kedaulatan kawasan operasi serta menjalankan pengawasan di kawasan sempadan perairan negara tertakluk pada penyelarasan MKN;</li> </ul>
	Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan pemantauan pergerakan tumpahan minyak melalui udara; dan</li> <li>• Mengangkut peralatan dan menjalankan penyemburan <i>dispersant</i> melalui udara.</li> </ul>
2	Kementerian Luar Negeri (KLN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi nasihat prosedur permohonan bantuan dari negara luar; dan</li> </ul>

BIL.	AGENSI	PERANAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaras perhubungan/komunikasi diplomatik dengan negara luar.</li> </ul>
3	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KASTAM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu dan memudahkan kemasukan peralatan kawalan tumpahan minyak dari Negara luar;</li> </ul>
4	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu dan memudahkan kemasukan tenaga kerja dari Negara luar melalui Kementerian Luar Negara.</li> </ul>
5	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pengangkutan peralatan melalui udara; dan</li> <li>Mengenal pasti dan menjalankan tindak balas berkaitan HAZMAT sekiranya diperlukan.</li> </ul>
6	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi khidmat nasihat kepakaran berhubung kes-kes berkaitan tumpahan minyak.</li> </ul>
7	Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi nasihat teknikal peralatan dan operasi mengawal tumpahan minyak.</li> <li>Membantu menyediakan peralatan OSRE.</li> </ul>
8	<i>Eastern Sabah Security Command</i> (ESSCOM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaraskan kawalan keselamatan di kawasan pantai timur Sabah</li> </ul>
9	Jabatan PERHILITAN Sem. Malaysia (PERHILITAN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi yang mengetuai operasi insiden tumpahan minyak yang melibatkan hidupan merujuk pada Malaysia <i>Oiled Wildlife Response Plan</i> (MOWReP).</li> </ul>
10	Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD)	
11	Sarawak Forestry Corporation (SFC)	

Lain-lain agensi dan pakar tempatan yang tidak di senarai di dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2** di atas boleh dilibatkan di dalam aktiviti tindak balas tumpahan minyak sekiranya terdapat keperluan.

Untuk menyelaraskan operasi melawan tumpahan *Tier 2* dan *Tier 3*, NOSC atau SOSC sekiranya ada keperluan bersidang dan keanggotaannya boleh berdasarkan kepada kehadiran agensi primer dahulu dan penglibatan

agensi sekunder akan dinilai berdasarkan keperluan oleh Jawantankuasa.

Senarai perhubungan bagi ahli NOSC adalah seperti di **Lampiran 6**. Senarai agensi primer dan sekunder adalah seperti di **Lampiran 7**.

## 2.3 Kakitangan Utama

### 2.3.1 Penyelaras Kawasan (Area Commander)

Penyelaras Kawasan bagi *Tier 2* adalah Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri dan peringkat *Tier 3* adalah Ketua Pengarah Alam Sekitar dan berada di Pusat Kawalan.

Peranan Penyelaras Kawasan antaranya adalah seperti berikut:

PERINGKAT <i>TIER 2</i>	PERINGKAT <i>TIER 3</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempengerusikan Mesyuarat SOSC</li> <li>ii. Melantik pegawai di Pusat Kawalan dan PKTK seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelaras Kejadian (<i>Incident Commander</i>)</li> <li>• Pemerintah Tempat Kejadian (<i>On Scene Commander</i>)</li> <li>• Pegawai Keselamatan (<i>Safety Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Plot (<i>Plotting Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Media (<i>Media Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Komunikasi (<i>Communication Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Pencatat (<i>Recording Officer</i>)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempengerusikan Mesyuarat NOSC atau melantik pegawai untuk menggantikannya bagi kes tumpahan berlaku diluar Perairan Wilayah yang mana SOSC belum diaktifkan.</li> <li>ii. Melantik pegawai di Pusat Kawalan dan PKTK seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelaras Kejadian (<i>Incident Commander</i>)</li> <li>• Pemerintah Tempat Kejadian (<i>On Scene Commander</i>)</li> <li>• Pegawai Keselamatan (<i>Safety Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Plot (<i>Plotting Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Media (<i>Media Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Perhubungan (<i>Liasion Officer</i>)</li> <li>• Pegawai Komunikasi (<i>Communication Officer</i>)</li> </ul> </li> </ul>

PERINGKAT TIER 2	PERINGKAT TIER 3
<p>iii. Menyelaraskan tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak</p> <p>iv. Menyelaraskan laporan harian tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak</p> <p>v. Memantau tindak balas Tier 1 oleh Spiller</p> <p>vi. Menyelaras bantuan luar yang diperlukan</p> <p>vii. Menyelaras pelupusan sisa buangan</p> <p>viii. Menyelaras proses tuntutan dan pampasan</p> <p>ix. Membuat ketetapan penamatan operasi pembersihan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Pencatat (<i>Recording Officer</i>)</li> </ul> <p>iii. Menyelaraskan tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak</p> <p>iv. Menyelaraskan laporan harian tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak</p> <p>v. Memantau tindak balas Tier 1 oleh spiller</p> <p>vi. Menyelaras bantuan luar yang diperlukan</p> <p>vii. Menyelaras pelupusan sisa buangan</p> <p>viii. Menyelaras proses tuntutan dan pampasan</p> <p>ix. Membuat ketetapan penamatan operasi pembersihan</p> <p>x. Bagi kes tumpahan minyak merentasi sempadan memasuki Perairan Wilayah dan sebaliknya yang mana SOSC sudah diaktifkan, Ketua Pengarah Alam Sekitar boleh mengarahkan Pengerusi SOSC untuk meneruskan tindakan. <i>Liaison Officer</i> perlu dilantik mengikut SOP sedia ada.</p>

**Jadual 3: Peranan Penyelaras Kawasan (*Area Commander*)**

### 2.3.2 Penyelaras Kejadian (*Incident Commander*)

Penyelaras Kejadian bertugas di Pos Kawalan Tempat Kejadian dan menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

- i) Menjalankan penilaian kejadian tumpahan minyak dan kawasan terlibat menggunakan kaedah SCAT sepanjang tempoh pembersihan;
- ii) Merancang strategi pembersihan dan kawalan tumpahan minyak di laut dan di pantai termasuk penyelarasan di peringkat *Tier 1* (sekiranya ada);
- iii) Memberi taklimat harian sebelum dan selepas operasi termasuk aspek Keselamatan;
- iv) Menjalankan pemantauan dan pengawasan di kawasan kejadian sepanjang tempoh pembersihan;
- v) Menyediakan inventori dan permohonan peralatan dan logistik kepada Penyelaras Kawasan;
- vi) Menyediakan inventori dan permohonan keperluan sumber manusia kepada Penyelaras Kawasan;
- vii) Menyediakan laporan harian tindakan pembersihan dan kawalan tumpahan minyak;
- viii) Menyediakan laporan aktiviti harian kerja-kerja pembersihan untuk tujuan memudahkan proses tuntutan kos pembersihan tumpahan dan gantirugi;
- ix) Menyediakan tempat simpanan sementara buangan sisa minyak yang telah dikumpul dari kerja-kerja pembersihan di laut dan di pantai;
- x) Menyelaras proses pemodelan trajektori tumpahan minyak (*Oil Spill Modelling*); dan
- xi) Mencadangkan penamatan operasi pembersihan.

### 2.3.3 Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*)

Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*) bagi operasi melawan tumpahan minyak dilaut adalah Jabatan Laut Malaysia.

Peranan OSC adalah seperti berikut:

- i) Merancang strategi dan melaksanakan operasi pembersihan dan kawalan tumpahan minyak di laut;
- ii) Bertanggungjawab ke atas penyaluran maklumat dan menerima arahan dari Penyelaras Kejadian (*Incident Commander*);
- iii) Menyediakan laporan operasi harian kepada Penyelaras Kejadian (*Incident Commander*) termasuk permohonan peralatan, logistik dan sumber manusia;
- iv) Memberikan taklimat operasi dan Keselamatan; dan

- v) Membuat penilaian operasi pembersihan di laut dan mencadangkan penamatan operasi pembersihan kepada Penyelaras Kejadian (*Incident Commander*).

#### 2.3.4 Pegawai Keselamatan (Safety Officer)

Pegawai keselamatan (*Safety officer*) bertugas di Pos Kawalan Tempat Kejadian dan menjalankan tugas dalam memantau dan menasihati aspek kesihatan, keselamatan, sekuriti dan alam sekitar dilapangan.

#### 2.3.5 Pegawai Plot (Plotting Officer)

Pegawai Plot (*Plotting Officer*) bertugas di Pusat Kawalan dan Pos Kawalan Tempat Kejadian, bertanggungjawab untuk mengemaskini semua maklumat operasi melawan tumpahan minyak dan pergerakan minyak dipapan kenyataan yang antaranya seperti berikut:

- i) Senarai petugas;
- ii) Situasi kes tumpahan minyak yang melibatkan lokasi pergerakan minyak menggunakan *Oil Map Trajectory* dan memplotkannya kepada carta navigasi;
- iii) Papan kenyataan cuaca;
- iv) Aset-aset melawan tumpahan minyak yang terlibat; dan
- v) Lain-lain maklumat yang berkaitan.

#### 2.3.6 Pegawai Media (Media Officer)

Pegawai Media (*Media Officer*) bertugas di Pusat Kawalan dan menjalankan tugas:

- i) Mengatur sidang media dan menyediakan kenyataan media berhubung insiden tumpahan minyak;
- ii) Menjalinkan hubungan kerjasama bersama pihak Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian bagi penyebaran maklumat kepada pihak media dan pengurusan atasan Kementerian;
- iii) Mengurus permohonan lawatan daripada VVIP; dan
- iv) Memantau dan menilai perkembangan insiden tumpahan minyak melalui media massa di dalam dan luar negara.

#### 2.3.7 Pegawai Perhubungan (Liaison Officer)

Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) bertugas di Pusat Kawalan dan diperlukan sekiranya tumpahan minyak merentasi sempadan negara yang melibatkan komunikasi dengan negara luar jika melibatkan perkara berikut:

- i) Pemakluman kepada negara-negara jiran yang berpotensi menerima impak tumpahan minyak;
- ii) Negara yang diancam oleh tumpahan minyak memohon bantuan dari Malaysia; dan
- iii) Permohonan bantuan dari negara-negara jiran di rantau ini atau sokongan antarabangsa.

#### 2.3.8 Pegawai Komunikasi (*Communication Officer*)

Pegawai Komunikasi (*Communication Officer*) bertugas di Pusat Kawalan dan bertugas:

- i) Menentukan status peralatan komunikasi berfungsi dengan baik dengan melaksanakan ujian panggilan untuk operasi melawan tumpahan minyak;
- ii) Melengkapkan semua keperluan komunikasi bagi operasi melawan tumpahan minyak;
- iii) Menentukan semua berita dihantar dan diterima serta menfaikannya; dan
- iv) Menentukan terdapat saluran komunikasi yang mencukupi.

#### 2.3.9 Pegawai Pencatat (*Recording Officer*)

Pegawai Pencatat (*Recording Officer*) bertugas di Pusat Kawalan dan bertugas:

- i) Merekodkan semua data operasi melawan tumpahan minyak di dalam buku log secara berterusan dan kemaskini; dan
- ii) Merekodkan semua laporan, berita dan butir-butir khusus termasuk panggilan telefon, e-mel dan faks.

## 2.4 Pakar Tempatan

Pakar-pakar tempatan yang dikenal pasti boleh dirujuk untuk membantu NOSC atau SOSC dalam operasi dan penilaian impak alam sekitar akibat tumpahan minyak. Antara disiplin kepakaran yang diperlukan adalah berkaitan dengan strategi dan teknik pembersihan tumpahan minyak,

“*environmental economist*”, penilaian kesan impak pencemaran minyak kepada persekitaran marin serta berkaitan tuntutan dan pampasan.

## **2.5 Pelantikan Kontraktor**

Apabila berlaku tumpahan minyak, Jabatan Laut Malaysia akan menggerakkan aset dan peralatan yang dimiliki oleh Kerajaan terlebih dahulu. Sekiranya diperlukan, perkhidmatan kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan akan dipanggil untuk melaksanakan operasi pembersihan tumpahan minyak merujuk kepada Prosedur Tetap Operasi JLM dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

## **2.6 Pengurusan Kawalan**

### **2.6.1 Pusat Kawalan**

Pengerusi NOSC atau SOSC akan menetapkan lokasi Pusat Kawalan yang berhampiran dengan lokasi kejadian bagi memudahkan pengurusan operasi.

Pusat Kawalan NOSC diselaraskan oleh Bahagian Air dan Marin, JAS Ibu Pejabat manakala Pusat Kawalan SOSC diselaraskan oleh Bahagian Operasi, JAS Negeri.

### **2.6.2 Pos Kawalan Tempat kejadian (PKTK)**

PKTK ini berfungsi sebagai Pusat Perintah operasi diantara Penyelaras Kejadian (*Incident Commander*) dan Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*). PKTK ini ditentukan oleh NOSC atau SOSC berdasarkan faktor-faktor berikut:

- i) Keperluan berdasarkan SCAT dan penilaian risiko;
- ii) Berhampiran lokasi tumpahan;
- iii) Mempunyai akses ke lokasi
- iv) Terdapat kemudahan asas dan talian komunikasi
- v) Keperluan ruangan yang mencukupi untuk *staging area*; dan
- vi) Kawasan yang selamat.

Keperluan asas/ minima PKTK dan tidak terhad kepada:

- i) Papan kenyataan untuk merekodkan aktiviti harian dan inventori bagi aset, peralatan, keanggotaan, hidupan liar, laporan meteorologi, rekod sisa buangan dan lain-lain;
- ii) Capaian sistem komunikasi yang baik;
- iii) Keperluan asas pejabat (*notebook, printer, alat tulis dll*);
- iv) Khemah, meja dan kerusi yang mencukupi;
- v) Kemudahan asas seperti tempat rehat, tandas, tempat makan dan lain-lain;
- vi) Set senarai semak taklimat;
- vii) Peta kawasan kejadian; dan
- viii) Lain-lain keperluan yang akan digunakan sepanjang operasi.

## 2.7 Pergerakan Dan Pengumpulan NOSC Atau SOSC

Kaedah pergerakan dan pengumpulan ahli-ahli jawatankuasa akan dilaksanakan mengikut kod warna seperti yang dinyatakan di bawah untuk memberi masa yang cukup pada setiap agensi-agensi yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak untuk membuat persiapan. Walau bagaimana pun tahap pergerakan yang tersebut akan tertakluk kepada keperluan yang mendesak (*urgency of the situation*). Misalnya jika situasi **TUMPAHAN MERAH** bermula dari awal maka semua tindakan sebelumnya haruslah dilakukan oleh agensi-agensi untuk mempertingkatkan aset-aset dan anggota-anggota ke tahap yang diarahkan.

### 2.7.1 Kod Warna

**TUMPAHAN HIJAU.** Kod ini akan disiarkan kepada agensi apabila berlaku tumpahan di Peringkat Kedua (Peringkat tindakan negeri). Semua agensi yang terlibat di dalam NOSC mestilah membuat persiapan peralatan, aset-aset dan anggota ke tahap siapsedia.

**TUMPAHAN KUNING.** NOSC akan digerakkan. Ahli-ahli jawatankuasa mestilah bersedia untuk berada di Pusat Kawalan untuk membantu Ketua Pengarah Alam Sekitar melawan tumpahan minyak. Semua agensi yang terlibat dengan aset-aset dan anggota-anggota mesti siapsedia untuk bergerak ke kawasan berdekatan tumpahan atau ke tempat yang diarahkan.

**TUMPAHAN MERAH.** Ahli-ahli NOSC berhimpun di Pusat Kawalan untuk membantu melawan tumpahan minyak. Masa untuk berkumpul adalah mengikut arahan yang ditetapkan oleh Pengerusi. Arahan juga akan diberi

kepada agensi- agensi yang terlibat untuk melaksanakan tugas kawalan tumpahan minyak. Contoh mesej pergerakan seperti di **Lampiran 8**.

### **3.0 PERINGKAT PELAKSANAAN TINDAK BALAS**

#### **3.1 Makluman Aduan Kejadian**

Semua aduan kejadian tumpahan minyak hendaklah dilaporkan dengan **serta-merta** kepada Sistem e-Aduan JAS atau hotline JAS 1-800-88-2727 dan penerima aduan perlu melengkapkan maklumat seperti di Borang Makluman Awal Kejadian Tumpahan Minyak di **Lampiran 9**.

Senarai nombor-nombor telefon dan faks Ibu Pejabat Jabatan Alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri dan cawangan, Pejabat-Pejabat Jabatan Laut Malaysia dan Pejabat-Pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah seperti di **Lampiran 10**

JAS akan menjalankan siasatan mengikut PTO Penguatkuasaan Tumpahan Minyak dan Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP).

#### **3.2 Penilaian**

Penilaian dari udara dan laut perlu dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang lebih jelas serta anggaran yang lebih tepat berhubung kedudukan tumpahan, saiz serta jenis tumpahan. Fakta-fakta untuk tujuan menganggar kuantiti serta magnitud pergerakan tumpahan dapat dikuatkan dengan mengambil gambar-gambar serta video dan berdasarkan kepada data-data meteorologi dan hidrografi.

Berdasarkan kepada maklumat penilaian di atas dan SCAT, NOSC atau SOSC akan bermesyuarat untuk menetapkan pengaktifan peringkat dan mengumumkan antara lain perkara-perkara termasuk tindak balas dan strategi pembersihan serta pengaktifan Jawatankuasa Pembersihan Pantai Negeri.

#### **3.3 Tindak Balas Dan Strategi Pembersihan**

##### **3.3.1 Oil Spill Trajectory Modelling**

Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia merupakan agensi-agensi teknikal yang memiliki perisian dan kepakaran dalam melaksanakan simulasi trajektori tumpahan minyak diperingkat *Tier 2* dan *Tier 3*. Agensi-agensi ini akan mengemukakan output-output simulasi untuk merangka strategi dalam perancangan dan

operasi kawalan tumpahan minyak. Output-output simulasi trajektori tumpahan minyak mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- i) Ramalan lokasi tumpahan minyak;
- ii) Lokasi pendaratan tumpahan minyak; dan
- iii) Maklumat ramalan tambahan seperti kadar sejatan, emulsifikasi dan sebagainya.

Kejituan simulasi trajektori tumpahan minyak adalah sangat bergantung kepada maklumat masa dan lokasi insiden yang tepat. Maklumat tersebut perlu juga dikemaskini dengan kerap bagi memastikan analisa terperinci dan penambahbaikan terhadap simulasi tumpahan minyak dapat dilaksanakan dengan segera.

Selain itu, identifikasi jenis minyak juga penting bagi memastikan simulasi kesan cuaca (*weathering*) dapat dijana dengan tepat. Model trajektori tumpahan minyak amat bergantung kepada data-data ramalan yang tepat seperti angin dan arus lautan untuk trajektori, data suhu permukaan laut bagi simulasi sejatan dan data ombak yang digunakan bagi simulasi proses emulsifikasi tumpahan minyak.

Output simulasi trajektori perlu dikemukakan kepada PKTK dalam tempoh (4 jam) makluman aduan diterima.

### 3.3.2 Environment Sensitivity Index (ESI)

*Environmental Sensitivity Index* (ESI) merupakan peta pesisiran pantai yang mengandungi perincian maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi dan keadaan semulajadi flora dan fauna yang berisiko terjejas akibat kejadian tumpahan minyak. Maklumat-maklumat yang terdapat di dalam ESI adalah penting untuk memastikan kesiapsiagaan di dalam tindakan melindungi kawasan yang sensitif dan kaedah pembersihan sekiranya diperlukan.

Tiga maklumat utama yang terdapat di dalam ESI:

- i) Klasifikasi kawasan pesisir pantai – kawasan pesisir pantai dikategorikan kepada skala di antara 1 hingga 10 bergantung kepada sensitiviti dan kesukaran untuk aktiviti pembersihan;
- ii) Sumber-sumber biologi – data-data yang dibekalkan adalah merangkumi haiwan-haiwan yang sensitif terhadap minyak serta tumbuhan-tumbuhan yang sukar didapati, termasuk habitat yang menjadikan kawasan perlindungan kepada haiwan-haiwan yang

- sensitif terhadap minyak contohnya batu karang; dan
- iii) Sumber-sumber yang digunapakai oleh masyarakat di persekitaran – kawasan-kawasan yang sensitif dan mempunyai nilai komersil contohnya pantai rekreasi, taman-taman laut, tempat perlindungan marin, punca air, kawasan penempatan dan kawasan arkeologi.

### 3.3.3 Shoreline Cleanup and Assessment Technique (SCAT)

*Shoreline Cleanup and Assessment Technique (SCAT)* merupakan kaedah yang digunakan bagi tinjauan di kawasan persisir pantai yang diramalkan terjejas atau telah terjejas akibat tumpahan minyak.

SCAT ialah satu kaedah sistematik yang membantu dalam membuat keputusan untuk pembersihan di persisir pantai dengan penggunaan terminologi standard untuk mendokumentasi keadaan tumpahan minyak.

Aktiviti SCAT akan diselaraskan oleh Penyelaras Kejadian di PKTK kawasan terlibat.

### 3.3.4 Kaedah Mengawal Tumpahan Minyak

Kaedah-kaedah untuk mengawal tumpahan minyak adalah seperti mengepung dan mengumpul tumpahan (*containment and recovery*) menggunakan *dispersant*, aktiviti pembersihan pantai dan lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.

Faktor-faktor yang perlu diambil kira bagi menetapkan kaedah kawalan tumpahan minyak adalah seperti berikut:

- i) Lokasi tumpahan;
- ii) Kuantiti serta jenis minyak;
- iii) Keadaan laut dan meteorologi;
- iv) Keupayaan bertindak balas;
- v) Kawasan sensitif alam sekitar; dan
- vi) Kawasan sasaran penting keselamatan.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, Penyelaras Kejadian perlu meneliti kaedah yang paling berkesan bagi mempercepatkan tempoh masa pembersihan, mengurangkan impak ke atas alam sekitar dan kos yang terlibat.

## Mengepung Dan Mengumpul Tumpahan Minyak (*Containment and Recovery*)

Mengepung dan mengumpul tumpahan minyak adalah satu kaedah yang biasa digunakan untuk mengawal tumpahan minyak di laut. Kaedah ini bertujuan untuk menyekat pergerakan minyak ke pantai atau ke kawasan-kawasan sensitif.

Melalui kaedah ini tumpahan minyak dikepung dengan menggunakan *oil boom* dan dikumpulkan dengan menggunakan *oil skimmer*, pam, *sorbent*, teknik-teknik manual atau peralatan yang bukan khusus. Di samping itu juga *oil boom* boleh digunakan untuk mengubah arah pergerakan tumpahan minyak menjauhi kawasan sensitif.

Keberkesanan kaedah mengepung dan mengumpul tumpahan minyak ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti berikut:

- a) Kelajuan arus;
- b) Keadaan ombak;
- c) Perubahan mendadak keadaan cuaca; dan
- d) Kesesuaian dan keupayaan peralatan dengan jenis dan keadaan minyak.

Senarai *stockpile* peralatan tumpahan minyak termasuk *oil boom* adalah seperti di **Lampiran 11** dan peta menunjukkan lokasi penempatan adalah seperti **Lampiran 12**.

### i) Penggunaan *Oil Spill Dispersant*

Penggunaan *oil spill dispersant* hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Penggunaan *oil spill dispersant* yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. *Oil spill dispersant* yang akan digunakan adalah dari jenis dan produk *oil spill dispersant* yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar sepertimana senarai yang terdapat di laman web Jabatan Alam Sekitar ([www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)).

### ii) Pembersihan Pantai

Setelah minyak mencemari kawasan pantai, Jawatankuasa Pembersihan Pantai Negeri/ Daerah perlu digerakkan untuk kerja-kerja pembersihan mengikut Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Negeri/ Daerah masing-masing.

### iii) Pengawasan Pergerakan Minyak

Jika penilaian mendapati tumpahan tidak akan mengancam sumber-sumber laut, tindakan pembersihan tidak perlu diambil dan hanya perlu mengawasi pergerakan tumpahan tersebut. Tumpahan yang berlaku di kawasan tropika akan mengalami proses pemelwapan pada kadar yang tinggi. Proses ini akan mengakibatkan minyak kehilangan bahan-bahan bertakat didih rendah menjadikan ia lebih tumpat (*denser*) dan likat (*viscous*). Tumpahan yang mengalami proses ini secara berterusan akan mencapai tahap dimana ianya sukar dipecahkan dengan penggunaan *dispersant* dan *skimmer*.

Tindakan mengawasi pergerakan minyak adalah merupakan tindakan yang paling sesuai untuk menangani tumpahan yang telah berada beberapa hari di permukaan laut. Tindakan pengawasan ini juga turut meliputi penilaian ke atas laluan tumpahan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan sensitif dan seterusnya mengambil tindakan menjauhkan tumpahan ke kawasan lain yang kurang sensitif.

### 3.4 Tindak Balas Penyelamatan Hidupan Liar

Pelaksanaan tindak balas menyelamatkan hidupan liar yang dicemari minyak hendaklah mengikut **Malaysia Oiled Wildlife Response Plan (MOWReP)**. Pelan ini akan diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan diketuai oleh agensi-agensi terlibat seperti berikut:

BIL.	WILAYAH	AGENSI PELAKSANA UTAMA MOWReP
1	Semenanjung Malaysia	Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia
2	Sarawak	<i>Sarawak Forestry Corporation</i>
3	Sabah	Jabatan Hidupan Liar Sabah

Pelan MOWReP akan diaktifkan sekiranya terdapat hidupan liar terkesan atau berpotensi terkesan akibat kejadian tumpahan minyak.

### 3.5 Prosedur Mendapatkan Bantuan Pengangkutan Udara

Permohonan penggunaan pesawat pengangkutan dan pemantauan udara hendaklah dipohon secara bertulis melalui Ibu Pejabat agensi yang mempunyai kemudahan pengangkutan udara seperti Tentera Udara Diraja

Malaysia, Pasukan Gerakan Udara (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Pegawai agensi yang berada di dalam SOSC dan NOSC bertanggungjawab menasihati, menyelaras dan mendapatkan kelulusan awal bagi mengaturgerakkan aset udara. Permohonan hendaklah dinyatakan dengan jelas butiran berikut:

- i) Tujuan penerbangan dipohon;
- ii) Tarikh, masa dan tempoh penugasan penerbangan;
- iii) Lokasi berlepas dan mendarat;
- iv) Jenis pesawat yang diperlukan;
- v) Senarai nama penumpang serta bagasi;
- vi) Jenis, berat dan saiz kargo; dan
- vii) Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi.

Bagi tujuan kawalan tumpahan minyak, penggunaan aset udara yang diterima akan diselaras oleh SOSC dan NOSC mengikut keperluan keadaan semasa.

### **3.6 Prosedur Mendapatkan Bantuan Luar**

Semua bentuk bantuan yang diperlukan semasa menghadapi kejadian tumpahan hendaklah disalurkan melalui SOSC atau NOSC yang berkenaan bergantung kepada peringkat tindakan yang digerakkan. Walau bagaimanapun bantuan yang diperlukan hendaklah dilaporkan ke Pusat Kawalan untuk tujuan penyelarasan.

Permohonan bantuan peralatan yang melibatkan pergerakan melalui sempadan negara akan dikemukakan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Luar Negeri melalui wakil-wakil mereka di dalam SOSC atau NOSC sebagai langkah mempercepatkan proses kemasukan peralatan tersebut. Sementara itu, permohonan bantuan pakar-pakar dari luar negeri pula akan disalurkan melalui Jabatan Imigresen dan Kementerian Luar Negeri untuk tujuan yang sama. Di dalam hal ini butir-butir lengkap peralatan termasuk jenis peralatan, nombor siri, nombor model dan sebagainya serta butir-butir lengkap pakar-pakar terlibat perlu disertakan.

Untuk pengangkutan peralatan dari luar negara, "pre-arrangement" perlu dibuat untuk mengelakkan kelewatan (dan dikenakan duti) disebabkan proses kastam.

Untuk memudahkan proses mendapatkan bantuan, Borang Permohonan Mendapatkan Bantuan Luar seperti di **Lampiran 13** hendaklah digunakan.

### **3.7 Salvaj Dan Pemindahan Kargo**

Semua tindakan berhubung dengan salvaj dan pemindahan kargo dari kapal-kapal yang terlibat di dalam kejadian tumpahan haruslah menepati keperluan-keperluan di Bahagian X (Bangkai Kapal dan Salvaj), Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 dan dikendalikan oleh Jabatan Laut Malaysia.

### **3.8 Penyediaan Laporan Operasi**

Laporan operasi kawalan tumpahan minyak yang disediakan oleh Pemerintah Tempat Kejadian dan Jawatankuasa Pembersihan Pantai perlu diselaraskan oleh Penyelaras Kejadian untuk dikemukakan kepada SOSC atau NOSC.

### **3.9 Penamatan Operasi**

Operasi tindak balas tumpahan minyak akan ditamatkan secara rasmi oleh Pengerusi SOSC (*Tier 1* dan *Tier 2*) dan Pengerusi NOSC (*Tier 3*). Keputusan penamatan operasi adalah berpandukan kepada nasihat, cadangan teknikal dan penilaian oleh Pemerintah Tempat Kejadian dan Penyelaras Kejadian.

Pasca operasi akan diteruskan sekiranya perlu melibatkan sebahagian dari agensi- agensi tertentu sahaja dan akan diselaraskan oleh Penyelaras Kejadian.

## 4.0 PERINGKAT PASCA TUMPAHAN MINYAK

### 4.1. Penyediaan Tuntutan

Untuk menyeragamkan serta memudahkan proses tuntutan kos pembersihan dan kerosakan akibat disebabkan tumpahan minyak, semua maklumat berikut hendaklah dikemukakan dengan tepat beserta bukti (cth. Dokumen, gambar dll) berhubung dengan:

- i) Tarikh operasi (mula dan tamat);
- ii) Lokasi operasi;
- iii) Tindakan-tindakan yang diambil;
- iv) Kakitangan (elaun makan, penggajian);
- v) Peralatan (pakai buang);
- vi) Keperluan selenggaraan;
- vii) Kerugian-kerugian lain;
- viii) Arahan Operasi; dan
- ix) Laporan Harian.

Proses tuntutan kapal perlu dibuat dengan mengisi borang dalam International Oil Pollution Compensation (IOPC) Fund-Claim Manual Edition 2019 atau pindaannya yang terkini.

KATEGORI TUNTUTAN	SEKSYEN
<i>Costs of Clean Up &amp; Preventive Measures</i>	<i>Section A</i>
<i>Property damage (e.g., cleaning, repairing, or replacing property that has been contaminated by oil such as the hulls of vessels</i>	<i>Section B</i>
<i>Economic loss in the fisheries, mariculture, and fish processing sectors</i>	<i>Section C</i>
<i>Economic loss in the tourism sector and other related businesses</i>	<i>Section D</i>
<i>Other losses including costs of reasonable measures to reinstate the environment and post-spill studies</i>	<i>Section E</i>

Tuntutan yang dibuat hendaklah selaras dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, *Civil Liability Convention 1992*, *Bunker Convention 2001* dan *International Oil Pollution Compensation Fund 1992* yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia. Tuntutan bagi kes-kes tumpahan yang berpunca dari kapal hendaklah di salurkan kepada Jawatankuasa Bahagian Tuntutan yang diketuai oleh Jabatan Laut Malaysia untuk dikemukakan kepada wakil *Protection & Indemnity (P & I Club)* yang dilantik.

Bagi tumpahan yang berpunca dari punca bukan kapal seperti aktiviti instalasi marin dan terminal, tuntutan dibuat kepada pihak yang mencemar yang diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

#### **4.2. Pengurusan Sisa**

Minyak yang dikumpulkan daripada kerja-kerja pembersihan, boleh diperoleh kembali di Kemudahan Pemerolehan Kembali yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Manakala bagi minyak dan sisa berminyak yang telah terdedah kepada cuaca terlalu lama dan bercampur dengan sampah-sarap hendaklah dilupuskan di kemudahan yang telah ditetapkan dan dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar serta hendaklah mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2015 dan kaedah-kaedah yang ditetapkan.

Pembakaran terbuka sisa minyak tidak dibenarkan sama sekali.

#### **4.3. Post-Mortem**

Pengerusi NOSC atau SOSC hendaklah mengadakan mesyuarat "*Post-mortem*" operasi tindak balas kawalan tumpahan minyak dalam masa 14 hari bekerja setelah tamat operasi kawalan dan pembersihan.

Laporan Post-mortem adalah tertakluk untuk menyatakan maklumat seperti berikut:

- i) Punca kejadian dan merancang tindakan untuk pencegahan daripada berulang;
- ii) Kelemahan dan kekuatan MOSCoP;
- iii) Masalah/isu yang timbul daripada operasi tindak balas kawalan tumpahan minyak yang dijalankan;
- iv) Penyelesaian lanjut untuk memulihkan kawasan dan pihak-pihak yang terjejas;
- v) Syor kepada penambahbaikan MOSCoP atau/dan MOWReP yang akan datang;
- vi) Perbincangan berkaitan Program/Kajian Pemantauan Pasca Tumpahan Minyak (Post Spill Monitoring Program) dan perkara-perkara berkaitan tuntutan dan pampasan; dan
- vii) Lain-lain maklumat yang relevan.

#### **4.4. Program Pemantauan Pasca Tumpahan Minyak (*Post Spill Monitoring Program*)**

Program Pemantauan Pasca Tumpahan Minyak yang diketuai oleh Jabatan Alam Sekitar akan bermesyuarat dengan pihak yang mencemar dalam tempoh 1 bulan selepas tamat operasi bagi menyelaraskan kandungan Program atau Kajian Pemantauan Pasca Tumpahan Minyak (*Post Spill Monitoring Program*).

Kandungan program akan mengambil kira aspek-aspek mengikut skop yang ditetapkan oleh JAS tidak terhad kepada aspek yang digariskan seperti dibawah berpandukan kepada maklumat garis pangkal (*baseline data*):

- i) Laut merangkumi kualiti air marin;
- ii) Pesisir pantai merangkumi pasir, batuan, flora dan fauna;
- iii) Sosio-ekonomi termasuk aktiviti setempat seperti nelayan, pelancongan dan sebagainya;
- iv) Kesihatan bagi anggota terlibat dan penduduk setempat.

Laporan kajian perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Kos yang terlibat dalam menjalankan kajian ini akan ditanggung oleh pihak yang mencemar. Kajian ini akan menjadi asas bagi tuntutan terhadap kerosakan alam sekitar.

## **5.0 PERINGKAT SOKONGAN**

### **5.1. Keselamatan Kakitangan**

Taklimat keselamatan hendaklah dilaksanakan oleh Pegawai Keselamatan (*Safety Officer*) sebelum memulakan operasi kawalan dan pembersihan.

Prosedur keselamatan di lapangan perlu dipatuhi sepenuhnya iaitu termasuklah penyediaan:

- i) Peralatan pemadaman kebakaran;
- ii) Jaket-jaket Keselamatan;
- iii) Peralatan Perlindungan Persendirian (PPE) - tanggungjawab penyediaan PPE tertakluk kepada agensi masing-masing; dan
- iv) Alat Komunikasi.

Merokok adalah dilarang semasa kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak dilakukan.

Maklumat seperti berikut perlu disediakan dan diserahkan kepada Penyelaras Kawasan:

- i) Senarai nama anggota yang terlibat dalam operasi;
- ii) Nama waris terdekat; dan
- iii) Butiran agensi/ syarikat.

Keselamatan kakitangan adalah di bawah tanggungjawab setiap agensi yang berkenaan.

### **5.2. Perhubungan Awam**

Semua kenyataan media berhubung dengan kejadian tumpahan minyak boleh dikeluarkan oleh Pengerusi NOSC. Bagaimanapun, Pengerusi SOSC dan Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Pantai Negeri/ Daerah dibenarkan mengeluarkan kenyataan media dengan dimaklumkan kepada Pengerusi NOSC terlebih dahulu.

Format kenyataan media adalah seperti di **Lampiran 14**.

### **5.3. Kursus Dan Latihan Kawalan Tumpahan**

JAS perlu merangka, melaksanakan serta mengkoordinasikan kursus dan latihan bagi mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak perlu dirancang dan dilaksanakan mengikut jadual.

Latihan yang dilaksanakan hendaklah merangkumi teori dan praktikal (*hands on*). Di samping itu, latihan perlu dirancang untuk menguji keberkesanan pelan kontingensi, dan koordinasi, perintah dan kawalan, sistem komunikasi, kesediaan peralatan kawalan dan sumber-sumber lain yang terlibat.

JAS hendaklah mengelolakan mesyuarat tahunan antara agensi dibawah MOSCoP untuk mengemaskini maklumat dan membincangkan isu-isu semasa.

### **5.4. Pindaan dan Kajian Semula Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP)**

MOSCoP hendaklah disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa serta dikaji semula sekurang-kurangnya dalam tempoh setiap 5 tahun. Pengemaskinian senarai perhubungan kakitangan, peralatan dan sebagainya hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Pertukaran Maklumat seperti di **Lampiran 15**.


# LAMPIRAN




PETA BARU MALAYSIA 1979 –  
Syit 1 (Semenanjung)

PETA BARU MALAYSIA 1979 –  
SYIT 2 (Sabah& Sarawak)


**CARTA ALIRAN SISTEM TINDAKBALAS TUMPAHAN MINYAK**




**CARTA ALIR TINDAKBALAS PERINGKAT PERTAMA (TIER 1)**



**CARTA ALIR TINDAKBALAS PERINGKAT KEDUA (TIER 2)**



**CARTA ALIR TINDAKBALAS PERINGKAT KETIGA (TIER 3)**



**SENARAI PERHUBUNGAN BAGI AHLI NATIONAL OIL SPILL  
OPERATION COMMITTEE (NOSC)**

BIL.	ALAMAT
1.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA</b>            Aras 1 – 4, Podium 2 &amp; 3,            Wisma Sumber Asli No.25,            Persiaran Perdana, Presint 4,            Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,            62574 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603-8871 2000/ 03-8871 2200            Faks: +603-88891973/ 03-88891975</p> <p><b>Bilik Operasi</b>            Waktu Operasi: 24 jam            Tel.: +603-8889 1972            Talian Tol Free: 1-800-88-2727            Faks: +603-88891975</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Seksyen Kontingensi Tumpahan Minyak,            Bahagian Air dan Marin</b></p> <p>Tel.: +603-8871 2000            Faks: +603-88884070</p>
2.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>            Peti Surat 12,            Jalan Limbungan,            42007 Pelabuhan Klang,            Selangor.</p> <p>Tel.: +603-3169 5239 / 03-33467777            Faks: +603-3169 5167 / 03-31685289</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Keselamatan, Sekuriti &amp; Alam            Sekitar (BKAS)</b></p> <p>Tel.: +603 33467726            Faks: -</p>
3.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA</b>            Kementerian Dalam Negeri            Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort,            62502 W.P. Putrajaya.</p>

BIL.	ALAMAT
	<p>Tel.: +603-8995 7000/ 03-8943 4001 Faks: +603-89414000/ 03-89414527</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian CARILAMAT dan Bantuan Bencana</b></p> <p>Tel.: - Faks: +603-89413129</p>
4.	<p><b>Komander Pasukan Gerakan Udara POLIS DIRAJA MALAYSIA</b> Tingkat 18, Menara 1, 50560 Bukit Aman, W.P. Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.: +603 - 2266 3411 Faks: +603 - 22663415</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Ketua Operasi Penerbangan</b></p> <p>Tel.: +603 - 2266 3471 Faks: +603 - 22723023</p>
5.	<p><b>Komander Pasukan Polis Marin POLIS DIRAJA MALAYSIA</b> Bukit Aman, 50560 W.P. Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.: +603 - 2266 3208 Faks: +603 - 22662222</p>
6.	<p><b>Ketua Pengarah Keselamatan Negara MAJLIS KESELAMATAN NEGARA</b> Jabatan Perdana Menteri Aras 2, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra, 62502 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603 - 8872 6817 Faks: +603 - 88883021</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Keselamatan dan Kedaulatan Maritim</b></p> <p>Tel.: +603 - 8871 4330 Faks: +603 - 88883091</p>
7.	<p><b>Ketua Pengarah AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)</b> Jabatan Perdana Menteri, Aras 6 &amp; 7, Blok D5, Kompleks D, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 W.P. Putrajaya.</p>


BIL.	ALAMAT
	<p>Tel.: +603 - 8870 4800 Faks: +603 - 88704848</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Pelaksanaan Operasi</b></p>
8.	<p><b>Ketua Pengarah</b> <b>JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA</b> Jalan Sultan, 46667 Petaling Jaya, Selangor.</p> <p>Tel.: +603 - 7967 8000 Faks: +603 - 79550964</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal (BPPT)</b></p> <p>Tel.: +603 - 7954 2146 Faks: -</p>
9.	<p><b>Ketua Pengarah</b> <b>JABATAN PERIKANAN MALAYSIA</b> Tingkat 1-6, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62628 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603 - 8870 4000 Faks: +603 - 88892460</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Perindungan Sumber</b></p> <p>Tel.: +603-8870 4058 Faks: -</p>
10.	<p><b>Panglima Tentera Laut</b> <b>MARKAS TENTERA LAUT</b> Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak, 50634 W.P. Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.: +603 - 2071 3311 Faks: +603 - 26912041</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Kejuruteraan</b></p>

BIL.	ALAMAT
11.	<p><b>Panglima Operasi Udara</b>  <b>MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA</b>  D/A Pangkalan Udara Subang  40000 Shah Alam, Selangor.  Tel.: +603-7841 7089 (Hotline)  Faks: +603-20714572</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Pusat Operasi Tentera Udara (POTU)</b></p>
12.	<p><b>Ketua Setiausaha</b>  <b>KEMENTERIAN LUAR NEGERI</b>  Wisma Putra,  No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,  62602 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603-8000 8000/ 03 - 8887 4000  Faks: +603-88891717/ 03 - 88892816</p>
13.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA</b>  Kompleks Kementerian Kewangan No.3,  No. 3, Persiaran Perdana,  Presint 2,  62596 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603-8882 2100/ 2300  Faks: +603-88895901</p>
14.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA</b>  Kementerian Dalam Negeri  No 15 Tingkat 1-7, (Podium),  Persiaran Perdana, Presint 2,  62550 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603-8880 1005  Faks: +603-88801509</p>
15.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA</b>  Lebu Wawasan, Presint 7,  62250 W.P. Putrajaya.</p> <p>Tel.: +603-8888 0036  Faks: +603-88880025</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat</b></p>

BIL.	ALAMAT
	Tel.: +603-8892 7474 Faks: +603-88889127
16.	<p><b>Komander ESSCOM</b>  <b>Eastern Sabah Security Command (ESSCOM),</b>            Jabatan Perdana Menteri            Blok B, Aras G-3,            Kompleks Komersial, Harbour Town,            91100 Lahad Datu, Sabah.</p> <p>Tel.: +6089-863 586            Faks: +6089-863588/ 587</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Pusat Operasi ESSCOM (PUSOP)</b></p> <p>Tel.: +6089-863 181            Faks: +6089-863182</p>
17.	<p><b>Ketua Pengarah</b>  <b>JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN</b>  <b>NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA</b>            KM.10 Jalan Cheras,            56100 W.P. Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.: +603-9086 6800            Faks: +603-90752873            Hotline: 1-800-88-5151</p> <p>Bahagian/ Seksyen: <b>Bahagian EX-SITU</b></p>
18.	<p><b>Pengarah</b>  <b>SABAH WILDLIFE DEPARTMENT</b>            5th Floor, B Block, Wisma MUIS,            88100 Kota Kinabalu, Sabah.</p> <p>Tel.: +6088-215353/ 214442            Faks: +6088-222476</p>
19.	<p><b>Ketua Pengarah Eksekutif</b>  <b>SARAWAK FORESTRY CORPORATION</b>            Lot 218, KCLD, Jalan Tapang, Kota Sentosa,            93250 Kuching,            Sarawak.</p> <p>Tel.: +6082 610 088            Faks: +6082-610099            Toll-Free: 1800 882526</p>

BIL.	ALAMAT
20.	<p><b>Pengurus Besar</b>  <b>PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)</b>  <b>Gropu HSSE, Crisis &amp; Incident Management</b>            Aras 11, Menara 1,            Menara Kembar Petronas (KLCC),            50088 W.P. Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.:           +603-2331 4145            Faks:           -</p>
21.	<p><b>Pengurus Besar</b>  <b>PIMMAG</b>            Aras 5, Menara Dayabumi            Jalan Sultan Hishamuddin            50050 Kuala Lumpur.</p> <p>Tel.:           +6019-3131 631            Faks:           +603-27836992</p>

## SENARAI AGENSI PRIMER DAN SEKUNDER DI BAWAH NOSC DAN SOSC



## CONTOH MESEJ PERGERAKAN NOSC ATAU SOSC

Mesej ini akan dihantar ke agensi-agensi yang terlibat dengan cara yang cepat (Faks dan E-mel di mana boleh) untuk tindakan.

<b>TAJUK</b>	PELAKSANAAN PELAN KONTINGENSI TUMPAHAN MINYAK MALAYSIA
<b>KEPADA</b>	AHLI <i>NATIONAL OIL SPILL OPERATION COMMITTEE</i> (NOSC)
<b>DARIPADA</b>	PENGERUSI NOSC

### CATATAN:

**SATU :**      **TUMPAHAN KUNING** pada 13 Okt, 20xx jam 7.30 petang.

**DUA :**      (Keterangan ringkas kejadian).

Satu pelanggaran telah berlaku di posisi Lat. 03d 40' (U) dan Long. 100d 30' (T) di antara kapal MV Bunga Melor dan kapal tangki MT Nagasaki Spirit pada 13 Oktober, 20xx jam 2.30 pagi. Pencemaran minyak telah berlaku dan kemungkinan minyak tersebut akan mencemarkan pantai di antara Pelabuhan Klang dan Port Dickson. Tindakan awal SAR oleh MRCC sedang dilaksanakan.

**TIGA :**      Ahli-ahli NOSC diminta berada di Pusat Kawalan di Aras 3 Podium 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Precint 4, Putrajaya untuk melaksanakan tugas seterusnya pada 14 Oktober, 20xx jam 9.00 pagi.

Sekian. Terima Kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(NAMA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR)**

Pengerusi *National Operation Committee* (NOSC)

Ketua Pengarah Alam Sekitar

## BORANG MAKLUMAN AWAL KEJADIAN TUMPAHAN MINYAK

<b>DARIPADA:</b> From		Fax: Emel: No tel:
<b>KEPADA:</b> To	JABATAN ALAM SEKITAR	Fax: Emel: No tel:
<b>MAKLUMAN:</b> Cc		Fax: Emel: No tel:

<b>1. NAMA &amp; NO HP PENGADU:</b> Reporter			
<b>2. JENIS / NO PENDAFTARAN PESAWAT/KAPAL:</b> Type & Registration of Aircraft / Ship			
<b>3. BUTIR-BUTIR PENGLIHATAN</b> Observation Details			
<b>Jenis Minyak:</b> Oil Type	Crude/ Diesel/ Fuel Oil	<b>Lain-lain:</b> Others	
<b>Lokasi (Lat / Long):</b> Position		N	E
<b>Bidang Kuasa Perairan:</b> Jurisdiction	<input type="checkbox"/> Territorial	<input type="checkbox"/> EEZ	<input type="checkbox"/> International
<b>Lokasi Bering Dari / Jarak:</b> Place Bearing From / Distance			
<b>Luas Kawasan Diliputi : (Anggaran)</b> Area Covered Approx.	Sq. KM		
<b>Warna Minyak</b> Slick Colour	<input type="checkbox"/> Sheen	<input type="checkbox"/> Rainbow	<input type="checkbox"/> Discontinuos <input type="checkbox"/> True Color
<b>4. TARIKH / WAKTU PEMERHATIAN :</b> Date & Time of Observation	<b>Dari</b> From		<b>Sehingga</b> To
<b>5. KEADAAN CUACA</b> Weather Condition			

6. PENUMPAH YANG DISYAKI			
<b>Penglihatan Activiti Pembuangan</b> Discharged observed	YA / TIDAK (YES / NO)		
<b>Jenis &amp; Nama Kapal / Platform / Fasiliti</b> Type and Name of Facility / Ship / Platform etc.			
<b>Nama Pegawai Bertanggungjawab</b> Person-in-charge		<b>Warganegara</b> Nationality	
<b>Lokasi</b> Position		N	E
<b>Bering / Jarak / Kelajuan</b> Bearing / Distance / Speed			
<b>Jarak Di Antara Lokasi Tumpahan dengan Pencemar (KM)</b> Distance between pollution and polluter (KM)			
<b>7. KAPAL / PLATFORM LAIN BERDEKATAN</b> Other Ships / Platform in Vicinity (Name)			
<b>8. GAMBAR/ VIDEO</b> Picture/ Video Taken (Sila lampirkan)	<b>ADA/ TIADA</b> Yes/ No	<b>FOTO/ VIDEO</b> Still/ Video	<b>BILANGAN FAIL:</b> No Of Files:
<b>9. TINDAKAN AGENSI</b> Agency response action			
<b>10. MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN (JIKA ADA)</b> Other relevant information (if any)			
<b>11. NAMA &amp; TANDATANGAN PENGADU / WAKIL</b> Name & Signature of Reporter	<b>Nama &amp; Jawatan:</b> Name & Postion:		<b>Tandatangan:</b> Signatory

**SENARAI PERHUBUNGAN PEJABAT-PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR, JABATAN LAUT DAN AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

<b>JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA</b>		
1.	<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<p><b>JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT</b>            Aras 1 – 4, Podium 2 &amp; 3,            Wisma Sumber Asli No.25,            Persiaran Perdana, Presint 4,            Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,            62574 Putrajaya.            No Tel: 03-8871 2000 / 03-8871 2200            No Faks: 03-8889 1973 / 03-8889 1975</p> <p><b>Bilik Operasi: Waktu Operasi 24 jam</b>            No Tel: 03 - 8889 1972            Tol. Free: 1-800-88-2727            No Faks: 03 - 8889 1975</p> <p><b>Bahagian Air dan Marin</b>            No Tel: 03-88712000            No Faks: 03-88884070</p> <p><b>JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR</b>            L4-I-3 Enterprise 4, Technology Park Malaysia,            Lebuhraya Puchong - Sg. Besi,            Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur            No Tel: 03-89939023            No Faks: 03-89939079</p> <p><b>JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN</b>            Alamat Tingkat 4, Blok 4,            Kompleks Ujana Kewangan,            87007, Wilayah Persekutuan Labuan            No Tel: 087-408772            No Faks: 087-408774</p>
2.	<b>PERLIS</b>	<p><b>JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS</b>            Tingkat 2, Bangunan KWSP,            Jalan Bukit Lagi,            01000 Kangar, Perlis            No Tel : 04-9793100            No Faks: 04-9772822</p>
3.	<b>KEDAH</b>	<p><b>JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH</b>            Aras 2, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah,            05200 Alor Setar,            Kedah Darul Aman</p>

		<p>No Tel : 04-7332832 No Faks: 04-7337530</p> <p><b>JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN LANGKAWI</b> Tingkat 3, Lot 01, Bangunan Tabung Haji, Lot 1598, Pokok Asam Kuah, 07000 langkawi, Kedah No Tel: 04-9664633 No Faks: 04-9663950</p> <p><b>JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN KULIM</b> Lot 6, KHTP Administrative Centre Kulim High Tech Park, 09000 Kulim, Kedah No Tel: 04-4037675 No Faks: 04-4036496</p> <p><b>JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN SG. PETANI</b> Tingkat 1, No.7 &amp; 8, Jalan Bank, 08000 Sg. Petani, Kedah No Tel: 04-4235633 No Faks: 04-4232832</p>
